

01 JUN 2001

Mahathir-MCA

MAHATHIR TAK CAMPUR TANGAN URUSAN PEMBELIAN NANYANG

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi menegaskan bahawa beliau tidak campur tangan dalam urusan pembelian Nanyang Press Holdings Bhd oleh badan pelaburan MCA, Huaren Holdings Sdn Bhd.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai "perbalahan" yang dilaporkan berlaku dalam MCA berikutan keputusan jawatankuasa kerja pusat parti itu meluluskan pembelian Nanyang Press yang menerbitkan akhbar harian Nanyang Siang Pau dan China Press.

"Ini urusan perniagaan, bagaimana saya hendak campur tangan," katanya pada persidangan media sekembalinya dari Jakarta di Stesen Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang hari ini.

Dr Mahathir berada Jakarta bagi menghadiri mesyuarat Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) selama dua hari yang tamat semalam.

Ketika ditanya mengenai perbalahan di kalangan pimpinan MCA yang dilihat semakin serius berhubung pembelian itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu."

"Saya tidak tahu apa yang dikatakan sedang berlaku itu, awak tak boleh harapkan saya mengulas sesuatu yang awak (wartawan) kata," kata beliau.

Pada mesyuarat Jawatankuasa Pusatnya Rabu lepas, MCA meluluskan pembelian berkenaan dengan 32 undi menyokong dan lapan membantah termasuk Timbalan Presiden parti Datuk Lim Ah Lek dan dua Naib Presiden Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Chan Kong Choy.

-- BERNAMA

HRS NHA AZZ NMO